



DINAMISME GABERNOR WANITA DALAM KERAJAAN TEMPATAN JEPUN

Asmadi Hassan, Md. Nasrudin Md. Akhir
and Rohayati Paidi¹

Abstract

For a long time, political commentators have bemoaned the fact that Japan is one of the lowest numbers of female representatives in local politics. But in recent years there have been signs the situation is gradually improving. In February 2000 Fusae Ota became Japan's first female governor when she was elected in Osaka prefecture. Since then, many women have declared candidacy for gubernatorial seats and won the election. After Ohta, four other women were also elected. They are Yoshiko Shiotani in Kumamoto, Akiko Domoto in Chiba, Harumi Takahashi of Hokkaido and Yukiko Kada of Shiga. This trend of women being elected as governors indicates that women are finally making real inroads into Japan's long male dominated political system. This article analyses the dynamism of women governor in Japan since Fusae Ota elected in 2000. Particularly to examine what the women governor candidates utilized as well as advocate during the election campaigns, what the women governor have done during his tenure as a governor and the main supporters of the women governors

Keywords: Women governors, Japan, elections, politics

PENGENALAN

Telah lama kritikan dilemparkan ke atas Jepun kerana mempunyai kadar perwakilan wanita yang rendah dalam organisasi kerajaan, sama ada di peringkat kerajaan pusat atau tempatan. Walau bagaimanapun berdasarkan pilihan raya kebelakangan ini, jumlah wanita yang terpilih sebagai ahli dewan di peringkat kerajaan pusat atau tempatan telah menunjukkan pertambahan yang memberangsangkan. Artikel ini membincangkan dinamisme wanita dalam kerajaan tempatan Jepun dengan memfokuskan kepada prefektur, iaitu entiti kerajaan tempatan terbesar dan berpengaruh di Jepun.¹ Jawatan gabenor² pula merupakan jawatan terpenting dalam prefektur yang dipilih melalui pilihan raya. Dinamisme gabenorwanita dipilih sebagai subjek kajian kerana pemilihan wanita sebagai gabenor merupakan satu perkara baharu dalam politik kerajaan tempatan Jepun. Apatah lagi bagi Jepun yang mengamalkan politik patriaki yang memihak kepada lelaki, keupayaan wanita menembusi tembok penguasaan lelaki merupakan sesuatu yang dianggap sebagai kelainan dalam politik kerajaan tempatan.

Pemilihan wanita sebagai gabenor bermula pada tahun 2000 apabila Fusae Ohta dipilih menjadi gabenor di prefektur Osaka. Bilangan gabenor wanita telah meningkat tahun

¹ Asmadi Hassan, Md. Nasrudin Md. Akhir and Rohayati Paidi are lecturers at the East Asian Studies Department, University of Malaya, Kuala Lumpur. Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada Japan Foundation kerana sumbangan geran penyelidikan sehingga kajian ini dapat disiapkan.



demi tahun dan berterusan di mana ia mencapai kemuncak pada tahun 2006 dan 2007 apabila bertambah menjadi lima orang. Dari segi peratusan pula, peningkatan gabenor wanita adalah tinggi iaitu 10.6 berbanding hanya 1.2 bagi bandar dan 0.6 bagi pekan dan kampung. Lihat Jadual 4.

Perbincangan artikel ini dimulakan dengan melihat sepintas lalu penguasaan wanita dalam organisasi kerajaan di peringkat kerajaan pusat dan tempatan. Kemudian, difokuskan kepada penyertaan wanita dalam politik kerajaan tempatan di prefektur-prefektur di Jepun. Persoalan yang utarakannya adalah apa isu yang digunakan oleh calon gabenor wanita dalam kempen pilihan raya? Apa yang diperjuangkan dalam kempen pilihan raya mereka? Apa yang telah mereka lakukan setelah dilantik menjadi gabenor? Siapakah penyokong gabenor wanita? Dengan kata lain, kajian ini menjadi indikator kepada pencapaian wanita dalam politik di peringkat kerajaan tempatan.

Pengkaji berhujah bahawa gender bukan faktor utama pemilihan mereka sebagai gabenor, tetapi faktor kredibiliti gabenor wanita sendiri yang menjadi penentu utama pemilihan mereka sebagai gabenor. Oleh itu apabila mereka menjadi gabenor, keseluruhan aspek pentadbiran dan kemajuan prefektur menjadi tumpuan mereka. Ini merupakan perkara yang dilakukan oleh gabenor-gabenor lelaki yang lain. Cuma tambahan kepada apa yang gabenor lelaki lakukan ialah gabenor wanita juga memberi tumpuan kepada persamaan gender dan kebijakan wanita.

Sorotan Kajian

Pengkajian tentang wanita dan penglibatan mereka dalam politik telah lama dijalankan. Namun amat kurang kajian yang menspesifikasikan kepada penglibatan wanita dalam politik kerajaan tempatan, terutamanya sebagai gabenor di prefektur. Kebanyakan kajian membincangkan secara am penglibatan wanita dalam politik Jepun, sama ada menjadi ahli Dewan Tinggi dan Rendah atau ahli Dewan Perhimpunan tempatan.³ Walaupun terdapat kajian seperti yang dilakukan oleh Yasuo Takao yang memfokuskan kepada kerajaan tempatan, tetapi ia tidak menspesifikasikan kepada gabenor, sebaliknya kepada penyertaan wanita sebagai ahli Dewan Perwakilan tempatan. Walau bagaimanapun dalam sorotan kajian ini hanya beberapa artikel terkini tentang wanita dan politik akan dibincangkan.

Chikako Usui, Suzanna Rose dan Reiko Kageyama dalam kajian bertajuk *Women, Institutions, and Leadership in Japan* membincangkan secara keseluruhan wanita sebagai pemimpin dalam institusi utama seperti dalam syarikat besar dan organisasi politik di Jepun.⁴ Mereka membincangkan halangan institusi dan psikologi dalam memobilisasi wanita sebagai pemimpin dalam institusi utama tersebut. Walaupun wanita bertindak sebagai agen kepada perubahan dalam hubungan antara kerja dan keluarga, tetapi pemilihan mereka sebagai pemimpin masih lagi tidak mencapai tahap yang membanggakan. Usui, Suzanna dan Kageyama berpendapat bahawa wanita terikat dengan keluarga dan komuniti dalam tradisi gender yang telah menghadkan peluang untuk menjadi pemimpin. Berikutan tekanan antarabangsa dan perubahan persekitaran dalam negara, kerajaan telah memperkenalkan inisiatif polisi persamaan gender dan kepimpinan wanita. Namun menurut mereka lagi halangan kepada persamaan gender akan berterusan kecuali jika keadaan organisasi dan sumbernya dipromosikan.



Pada tahun 2008, Endah H. Wulanduri melalui kajiannya yang bertajuk *Representasi Perempuan Dalam Institusi Politik Jepang* membincangkan tentang perwakilan wanita dalam kepimpinan institusi utama dalam negara.⁵ Dalam kajian oleh Endah, walaupun wanita diberi hak persamaan politik oleh perlumbagaan tetapi pencapaian masih lagi tidak boleh dibanggakan. Wanita kurang mengambil bahagian dalam politik kecuali sebagai pengundi. Bilangan mereka dalam parlimen masih lagi di peringkat marginal. Endah menyimpulkan ketidaksamaan sosial ke atas wanita Jepun berterusan dan dijustifikasi sebagai penerusan tradisi budaya Jepun.

Yasuo Takao dalam kajiannya yang bertajuk *Women in Japanese Local Politics: From Voters to Activists to Politicians* membincangkan tentang perubahan-perubahan yang berlaku dalam penglibatan wanita dalam politik kerajaan tempatan.⁶ Kajian oleh Takao menilai perluasan peranan wanita dalam politik Jepun dan meneroka potensi-potensi wanita dalam memberi alternatif pandangan untuk menyelesaikan masalah dalam dunia politik yang dikuasai oleh lelaki. Untuk menjadikan suara mereka didengari mereka telah menubuhkan persatuan baru dan mempromosikan perbincangan terbuka dalam masyarakat terutamanya untuk menghapuskan halangan penglibatan wanita dalam politik. Wanita-wanita juga telah membina organisasi sokongan di seluruh negara di samping melebarkan jaringan antara wanita supaya menyokong calon wanita yang bertanding dalam pilihan raya. Takao mendapati bahawa perwakilan wanita masih lagi di tahap rendah walaupun dalam aspek yang lain seperti pendidikan dan pekerjaan menunjukkan peningkatan.

Penyertaan Wanita Jepun dalam Politik

Di peringkat kerajaan pusat bilangan wanita yang dipilih sebagai ahli Dewan Rendah telah menunjukkan peningkatan. Dalam pilihan raya dewan tersebut yang diadakan pada Oktober 1996, jumlah kerusi yang dimenangi oleh calon wanita adalah sebanyak 32 buah atau 4.6% dari jumlah keseluruhan 500 buah kerusi yang dipertandingkan. Pada pilihan raya dewan yang sama pada tahun 2000 jumlah perwakilan telah meningkat kepada 35 orang dari 480 jumlah keseluruhan.⁷ Jumlah ini mewakili 7.3% dari keseluruhan jumlah ahli Dewan Rendah. Manakala pada tahun 2003 jumlah yang menang telah berkurangan sedikit kepada 34 orang atau 7.1%. Namun dalam pilihan raya terakhir tahun 2005, jumlah yang terpilih telah meningkat secara signifikan iaitu 45 orang atau 9.4%. Lihat Jadual 1.

Jadual 1: Jumlah dan Peratusan Kerusi Wanita di Dewan Rendah

| Pilihan Raya | Jumlah kerusi dipertandingkan | Jumlah kerusi Wanita | Peratusan |
|----------------|-------------------------------|----------------------|-----------|
| Oktober 1996 | 500 | 23 | 4.6 |
| Jun 2000 | 480 | 35 | 7.3 |
| November 2003 | 480 | 34 | 7.1 |
| September 2005 | 480 | 45 | 9.4% |

Sumber: Diubahsuai dari *Women in Parliament* di laman <http://www.ipu.org/wmn-e/classif.htm>



Di peringkat Dewan Tinggi pula kecenderungan yang sama juga dapat dilihat di mana peratusan semakin meningkat. Dalam pilihan raya terakhir pada Julai 2007, peratusan wanita telah meningkat kepada 18.2% iaitu peratusan tertinggi yang pernah dicatatkan dalam sejarah jumlah wanita di Dewan Tinggi. Lihat Jadual 2.

Jadual 2: Jumlah dan Peratusan Kerusi Wanita di Dewan Tinggi⁸

| Pilihan Raya | Jumlah Kerusi Dipertandingkan | Jumlah Kerusi Wanita | Peratusan |
|--------------|-------------------------------|----------------------|-----------|
| Julai 1995 | 252 | 35 | 13.9 |
| Julai 1998 | 252 | 43 | 17.1 |
| Julai 2001 | 247 | 38 | 15.4 |
| Julai 2004 | 242 | 33 | 13.6 |
| Julai 2007 | 242 | 44 | 18.2% |

Sumber: diubahsuai dari *Women in Parliament* di laman sesawang <http://www.ipu.org/wmn-e/classif.htm>

Walau bagaimanapun, kedudukan Jepun di peringkat antarabangsa masih lagi dianggap ketinggalan berbanding Negara-negara lain. Menurut data yang dikeluarkan oleh *Women in National Parliament*, pada tahun 2008, secara keseluruhan Jepun menduduki tangga ke-103 bersama-sama Gambia dan Romania dalam senarai bilangan wanita dalam parlimen. Negara yang mempunyai peratusan tertinggi perwakilan wanita di Dewan Rendah adalah Rwanda dan diikuti oleh Sweden dan Cuba. Lihat Jadual 3.

Jadual 3: Jumlah Wanita dalam Dewan Rendah Mengikut Negara

| Kedudukan | Negara | Tarikh Pilihan Raya Terakhir | Jumlah Kerusi | Kerusi Wanita | Peratusan | |
|-----------|------------|------------------------------|---------------|---------------|-----------|-------|
| 1 | Rwanda | Okttober | 2003 | 80 | 39 | 48.8% |
| 2 | Sweden | September | 2006 | 349 | 164 | 47.0% |
| 3 | Cuba | Januari | 2008 | 614 | 265 | 43.2% |
| 4 | Finland | Mac | 2007 | 200 | 83 | 41.5% |
| 5 | Argentina | Okttober | 2007 | 255 | 102 | 40.0% |
| 6 | Belanda | November | 2006 | 150 | 59 | 39.3% |
| 7 | Denmark | November | 2007 | 179 | 68 | 38.0% |
| 8 | Costa Rica | Februari | 2006 | 57 | 21 | 36.8% |
| 9 | Spanyol | Mac | 2008 | 350 | 127 | 36.3% |
| 10 | Norway | September | 2005 | 169 | 61 | 36.1% |
| 103 | Gambia | Januari | 2002 | 53 | 5 | 9.4% |
| 103 | Jepun | September | 2005 | 480 | 45 | 9.4% |
| 103 | Romania | November | 2004 | 330 | 31 | 9.4% |

Sumber: Diubah suai dari *Women in Parliaments: Situation as of 31 August 2008* di laman sesawang <http://www.ipu.org/wmn-e/classif.htm>. Nota: Dewan Tinggi tidak diambil kira kerana terdapat banyak negara tidak mempunyai dewan tersebut.



Di peringkat kerajaan tempatan di prefektur, sebelum tahun 2000 tidak terdapat seorang pun wanita dipilih sebagai gabenor. Namun menjelang tahun 2000, bilangannya telah bertambah kepada dua orang. Tahun berikutnya bilangannya telah bertambah menjadi tiga orang. Bilangan ini bertambah pada tahun 2004 menjadi empat orang dan bertambah lagi pada tahun 2006 menjadi lima orang. Walau bagaimanapun pada tahun 2008, bilangan telah berkurangan kepada tiga orang. Di peringkat bandar pula, ketuanya yang dikenali sebagai datuk bandar juga menunjukkan arah aliran yang bertambah. Pada tahun 2000, terdapat tiga orang datuk bandar di Jepun. Kemudian, bilangannya bertambah kepada 4 orang pada tahun 2002, 6 orang pada tahun 2003, 7 orang pada tahun 2004, 9 orang pada tahun 2005 dan 10 orang pada tahun 2007. Manakala di peringkat pekan dan kampung, bilangannya juga turut menunjukkan pertambahan. Pada tahun 2000 jumlahnya hanya tiga orang tetapi bertambah kepada lima orang pada tahun 2001, 7 orang pada tahun 2003, tetapi berkurangan kepada 6 orang pada tahun 2007. Lihat Jadual 4.

Jadual 4: Penyertaan Wanita dalam Dewan Peringkat Kerajaan Tempatan

| Tahun | Prefektur | | | Bandar | | | Pekan & Kampung | | |
|-------|---------------|---------------|------|---------------|---------------|-----|-----------------|---------------|------|
| | Jumlah Kerusi | Jumlah Wanita | % | Jumlah Kerusi | Jumlah Wanita | % | Jumlah Kerusi | Jumlah Wanita | % |
| 1999 | 47 | 0 | 0 | NA | NA | NA | NA | NA | NA |
| 2000 | 47 | 2 | 4.2 | NA | 3 | NA | NA | 3 | NA |
| 2001 | 47 | 3 | 6.3 | NA | 3 | NA | NA | 5 | NA |
| 2002 | 47 | 3 | 6.3 | NA | 4 | NA | NA | 4 | NA |
| 2003 | 47 | 4 | 8.5 | 700 | 6 | 0.9 | 2513 | 7 | 0.25 |
| 2004 | 47 | 4 | 8.5 | 700 | 7 | 1.0 | 2494 | 6 | 0.2 |
| 2005 | 47 | 4 | 8.5 | 734 | 9 | 1.2 | 2205 | 7 | 0.3 |
| 2006 | 47 | 5 | 10.6 | 768 | 9 | 1.2 | 1568 | 7 | 0.4 |
| 2007 | 47 | 5 | 10.6 | 804 | 10 | 1.2 | 1022 | 6 | 0.6 |
| 2008 | 47 | 3 | 6.3 | NA | NA | NA | NA | NA | NA |

Sumber: Diubah suai dari *Josei no Seisaku. Hoshin Kettei Sanga Jokyo Shirabe* di laman sesawang <http://www.gender.go.jp/statistics-index.html>

Nota: 1. Jumlah bandar, pekan dan kampung berubah-ubah setiap tahun kerana terdapat aktiviti penggabungan antara mereka.

2. NA: Data tidak diperolehi.

Walaupun terdapat pertambahan dari segi bilangan wanita mengetuai prefektur, bandar, pekan dan kampung, namun dari segi peratusan, bilangannya masih tidak dapat dibanggakan. Bagi prefektur, peratusan tertinggi hanyalah 10.6% pada tahun 2006 dan 2007. Manakala di peringkat bandar peratusan tertinggi adalah 1.2% pada tahun 2007 dan di peringkat pekan dan kampung peratusan tertinggi hanyalah 0.6%. Walaupun peratusan wanita yang mengetuai bahagian dalam kerajaan masih lagi tidak dapat dibanggakan, namun yang nyata bilangannya telah bertambah dari tahun demi tahun.

Gabenor Wanita di Jepun

Adalah sukar untuk mempercayai bahawa Jepun tidak mempunyai gabenor dari kalangan wanita sehingga Fusae Ohta di Osaka memenanginya pada Februari 2000.



Kejayaan Ohta diikuti oleh Yoshiko Shiotani di Kumamoto pada April tahun yang sama. Sejak tahun 2000, telah menunjukkan tanda-tanda bahawa wanita semakin ramai terlibat dalam politik, terutamanya menjadi gabenor di prefektur. Contohnya Akiko Domoto pada tahun 2001 di prefektur Chiba, pada April 2003 Harumi Takahashi di Hokkaido dan pada Julai 2006 Yukiko Kada pula terpilih mewakili prefektur Shiga. Hanya dalam satu jangkamasa yang pendek, selepas Fusae Ota dilantik menjadi gabenor, pada tahun 2003 bilangannya telah bertambah kepada empat orang. Manakala pada tahun 2006, bilangan ini telah bertambah kepada lima orang. Perkembangan ini dianggap sebagai sesuatu yang jarang berlaku di Jepun yang bersifat patriarki.

Menurut Masako Aiuchi dari Hokkaido Asaigakuen University, pemilihan gabenor di kalangan wanita merupakan satu fenomena baru di Jepun yang tidak dapat dilihat sebelum ini.⁹ Sejurus selepas pemilihan wanita sebagai gabenor, ramai yang teruja untuk melihat apa yang mampu dilakukan oleh mereka atau sekurang-kurangnya membawa perbezaan berbanding gabenor-gabenor lelaki sebelum ini.

Selain calon wanita yang bertanding dan terpilih menjadi gabenor di prefektur Jepun, terdapat juga calon wanita yang bertanding tetapi kalah. Ini terutamanya berlaku di kawasan-kawasan yang dianggap sebagai kubu kuat bagi seseorang calon lelaki. Walaupun calon wanita tersebut memberi tentangan hebat kepada calon lelaki tersebut.¹⁰ Contohnya di prefektur Tokyo di mana pengkritik sosial dan profesor dari Kasei University, Keiko Higuchi menjadi pencabar terkuat kepada penyandang kerusi gabenor sekarang Shintaro Ishihara.¹¹

Manakala di Kanagawa pula, pilihan raya gabenor pada tahun 2003 juga mempertandingkan calon wanita Yoko Tajima, bekas ahli Dewan Tinggi yang bertanding menentang Ryoichi Takarada dan Shigefumi Matsuzawa. Walaupun Yoko kalah dalam pilihan raya ini namun seperti Higuchi, ia telah memberi tentangan sengit kepada Matsuzawa.

Pemilihan Gabenor

Secara umumnya dalam pilihan raya gabenor, calon-calon wanita menggunakan pelbagai teknik dan strategi seperti memobilasi organisasi dan kumpulan yang memperjuangkan wanita dan menggunakan khidmat petugas sukarela untuk membantu kempen mereka. Mereka juga menggunakan internet untuk menggalakkan pengundi-pengundi keluar mengundi. Walaupun isu wanita dan gender banyak dimainkan oleh calon-calon wanita, namun siapa yang bertanding juga penting. Menurut Mako Yoshimura, kriteria calon bagi setiap prefektur mestilah seorang yang berkeupayaan menjadi pemimpin, mempunyai imej berjiwa rakyat (*shiminha*) dan mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang kawasan mereka.¹² Faktor inilah yang dipertimbangkan dalam pilihan raya tempatan.

Kebanyakan calon yang bertanding dalam pilihan raya gabenor adalah berstatus calon bebas. Namun mereka mendapat sokongan dari parti-parti politik yang terdapat di Jepun. Oleh itu mereka tidak boleh menumpukan kepada undi wanita sahaja, tetapi kepada penyokong parti yang menyokong mereka. Parti-parti politik pula mempunyai calon pilihan mereka sendiri untuk disokong. Malahan seorang calon boleh disokong oleh lebih dari satu parti. Parti-parti ini berharap dengan sokongan yang diberikan kepada calon tersebut akan meningkatkan nama baik parti politik mereka.¹³ Oleh sebab itu



walaupun calon yang bertanding mengharapkan sokongan wanita, tetapi latar belakang dan sejarah kerjaya juga menjadi pertimbangan penting untuk mendapatkan sokongan dari pengundi-pengundi lain seperti dari golongan lelaki, korporat, pertubuhan agama dan parti politik. Sesungguhnya faktor gender bukan segalanya, tetapi faktor keupayaan mereka adalah menjadi penentu kepada pemilihan sebagai gabenor.¹⁴

Namun calon wanita mempunyai kelebihan di mana terdapat organisasi wanita yang menyokong mereka tanpa mengambil kira ideologi calon yang bertanding. Terdapat banyak organisasi wanita yang membantu berkempen dalam pilihan raya. Organisasi-organisasi ini mempunyai jaringan dengan kumpulan wanita yang lain di seluruh negara. Antara yang terkenal adalah *Ichikawa Fusae Memorial Foundation* dan *Win Win Group*. *Ichikawa Memorial Foundation* contohnya telah menubuhkan Pusat Promosi Penglibatan Wanita Dalam Politik. Pusat ini merupakan tempat melatih wanita untuk bertanding dalam pilihan raya tempatan. Ia menawarkan kursus teori dan praktikal untuk bertanding dalam pilihan raya dan pendidikan politik kepada wanita. *Win Win Group* pula ditubuhkan untuk mempromosikan dan menyokong calon-calon wanita tanpa mengambil kira ideologi. *Win Win Group* merupakan kumpulan bukan parti yang mempunyai misi untuk mempromosikan persamaan gender dan mengembangkan jaringannya di kalangan wanita. Matlamatnya adalah supaya wanita dapat dipilih sebagai wakil mereka di parlimen atau di Dewan Perhimpunan tempatan.¹⁵ *Win Win Group* juga mengumpulkan wang untuk membantu wanita terlibat dalam politik.¹⁶

Dalam kes pemilihan Ohta sebagai gabenor, keadaan semasa pada masa tersebut menjadi penentu kejayaan beliau. Kemenangan Ohta disebabkan gabenor lelaki sebelumnya, Isamu Yamada (juga dikenali sebagai Knock Yokoyama) telah melakukan pencabulan seks terhadap seorang pembantu wanita semasa kempen pilihan rayanya. Knock Yokoyama seorang pelawak terkenal rancangan televisyen telah meletak jawatan selepas didedahkan melakukan skandal tersebut. Berikutnya kes pencabulan yang dilakukan oleh Knock, sentimen anti-lelaki di kalangan wanita semakin memuncak.¹⁷ Ini memberi kelebihan kepada Ohta untuk mengaut undi dari kalangan pengundi wanita. Sesungguhnya Ohta dalam kedudukan yang baik semasa bertanding jawatan gabenor memandangkan pengundi sudah hilang kepercayaan kepada gabenor lelaki. Kekuatan suara wanita jugalah menyebabkan Knock sendiri terpaksa meletak jawatan.

Ohta yang bertanding sebagai calon bebas mendapat sokongan dari parti-parti besar di Jepun iaitu Parti Liberal Demokratik (LDP), Parti Demokratik Jepun (DPJ) dan Komeito Baharu. Dalam kempen pilihan raya penggal pertama bagi Ohta, parti-parti politik terlalu berhati-hati menyokong mana-mana calon yang bertanding kerana sentimen skandal seks Knock terlalu kuat. Kesilapan dalam memberi sokongan boleh memberi kesan kepada kredibiliti parti.

Keupayaan Ohta tidak boleh disangkalkan lagi. Ohta pernah berkhidmat sebagai timbalan gabenor Okayama selama dua tahun bermula pada tahun 1997. Ohta lulusan universiti elit Jepun, University of Tokyo dan pernah berkhidmat di Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (METI), yang juga merupakan kementerian elit di Jepun. Menurut Aiuchi, calon dengan status elit seperti Ohta dalam kementerian kerajaan pusat mempunyai kelebihan untuk menang dalam pilihan raya. Tambahan lagi bagi seorang wanita yang menyertai birokrat elit dianggap sebagai bukan satu tradisi bagi wanita



dan menjadi gabenor juga bukan merupakan satu tradisi. Oleh sebab itu ia mendapat sokongan yang kuat.¹⁸

Pada masa yang sama Osaka yang merupakan prefektur kedua termaju di Jepun menghadapi masalah kewangan yang serius. Dengan latar belakang birokrat di METI, rakyat menaruh kepercayaan kepada Ohta untuk menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi oleh prefektur tersebut. Menurut Tatsuhiro Tokuda dari Kansai Economic Federation, rakyat mahukan pemimpin yang dapat membantu menyelamatkan Osaka dari kesan kemelesetan ekonomi dan mengatasi bajet defisit prefektur tersebut dan Ohta merupakan orang yang sesuai. Kadar pengangguran di Osaka adalah 2% lebih tinggi berbanding bandar-bandar besar yang lain.¹⁹

Apabila tamat tempoh sebagai gabenor pada Februari 2004, Ohta sekali lagi telah dipilih sebagai gabenor Osaka. Kemenangannya disifatkan sebagai "the flower of Osaka's revival bloom."²⁰ Kali ini tiada lagi isu skandal pencabulan seks, tetapi Ohta berjayakekalkan jawatannya. Pemilihan Ohta bagi penggal kedua juga menunjukkan beliau telah berjaya memperolehi kepercayaan rakyat pada penggal pertama dan mereka memberi tanggungjawab kepada Ohta buat kali kedua untuk terus mentadbir Osaka. Sekali lagi ia disokong oleh LDP, DPJ dan Komeito Baharu. Ohta juga berjaya mengekalkan sokongan dari pihak swasta terutamanya Kansai Economic Federation dan pemimpin-pemimpin perniagaan yang lain. Sokongan yang kuat dari Kansai Economic Federation kepada Ohta adalah kerana beliau mempunyai hubungan yang baik dengan Tokyo. Seiring dengan itu, Kansai Economic Federation berharap pengaliran kewangan dari kerajaan pusat untuk membina landasan keretapi kedua yang menghubungkan Kansai International Airport dengan tanah besar dikekalkan. Sebelum Ohta menjadi gabenor, projek pembinaan landasan tersebut hampir dibatalkan kerana terdapat tentangan dari birokrat dan ahli politik di Tokyo. Namun, kerana hubungan rapat ini, projek tersebut dapat diteruskan. Selain merupakan bekas birokrat METI, Ohta juga mempunyai hubungan rapat dengan ahli politik LDP yang memerintah negara. Ini membolehkan ia menjadi calon pilihan Kansai Economic Federation, terutamanya untuk melobi projek-projek besar yang diperlukan oleh pemimpin perniagaan tempatan. Oleh kerana sokongan padu yang diterima dari Kansai Economic Federation, Ohta telah digelar sebagai "Governor of Kansai Economic Federation."²¹

Undian yang tidak kurang pentingnya juga datang dari kalangan wanita. Sekali lagi kumpulan wanita *Win Win Group* menjadi penyokong kuat kepada pencalonan Ohta. Apa yang diperjuangkan oleh Ohta semasa penggal pertama sebagai gabenor Osaka telah menjadi indikator penting kepada pemilihan Ohta buat kali kedua. Seperti yang dibincangkan di bahagian seterusnya, separjang Ohta menjadi gabenor, beliau telah bersama-sama gabenor wanita yang lain memperjuangkan hak-hak wanita dan kanak-kanak. Ini menjadi faktor penyebab mengapa wanita terus menyokong Ohta sebagai gabenor di Osaka dalam pilihan raya penggal kedua. Imej *shiminha* Ohta dapat dilihat di mana ia muncul sebagai model wanita berkerjaya yang menarik dalam masyarakat yang masih lagi kuat dengan pegangan tradisional. Ia seringkali menolak dilayan sebagai seorang yang istimewa. Gelaran yang bersifat manja *fu-chan* digunakan dalam laman sesawangnya yang menggambarkan ia mudah didekati oleh rakyat.²²

Sokongan untuk Ohta dapat dilihat di mana dalam pilihan raya penggal kedua pada tahun 2004, beliau mendapat 64% dari undi wanita dan 51% dari undi lelaki menewaskan



Emoto, bekas pemain besbol Hanshin Tiger dan Umeda dari Parti Komunis Jepun (JCP). Dari segi sokongan parti pula, ia mendapat 93% undi dari penyokong Komeito Baharu dan 75% dari LDP. Umeda gagal menarik pengundi walaupun memfokuskan kepada kebajikan, perubatan dan pendidikan. Emoto juga gagal menandingi Ohta walaupun ia terkenal sebagai pembaling handalan bagi pasukan Hanshin Tiger, sukan yang paling terkenal di Jepun. Emoto hanya berjaya mendapat 15% undi wanita dan 31% undi lelaki dan beliau gagal mendapatkan undi dari kalangan pengundi atas pagar.²³ Walaupun Ohta memperolehi undi yang banyak dari wanita, tetapi perlu diingat bahawa wanita juga menyokong LDP, Komeito Baharu dan DPJ. Oleh itu tidak boleh dikatakan bahawa wanita menyokong Ohta atas alasan gender tetapi kerana kapasiti ia disokong oleh parti yang mereka sokong.

Shiotani merupakan wanita kedua selepas Ohta dipilih menjadi gabenor pada April 2000, kira-kira dua bulan selepas Ohta dipilih. Seperti Ohta, Shiotani juga merupakan bekas timbalan gabenor Kumamoto. Beliau menjadi gabenor selepas gabenor sebelumnya meninggal dunia pada tahun 2000. Berbeza dengan Ohta, Shiotani bukan merupakan birokrat elit. Shiotani diminta untuk bertanding oleh jaringan politik tempatan selepas melihat komitmen semasa menjadi timbalan gabenor. Shiotani juga aktif dalam kebajikan dan organisasi wanita. Ia juga mempunyai latar belakang kerjaya dalam organisasi kebajikan sosial.

Seperti Ohta, Shiotani juga mempunyai ciri-ciri pemimpin yang mendapat sokongan rakyat. Ia disokong oleh LDP dan Komeito Baharu, kumpulan wanita, syarikat dan organisasi buruh. Walau bagaimanapun sokongan yang paling kuat diterima dari lebih 30 kumpulan sukarela wanita yang membantu semasa kempen pilihan rayanya.

Dalam pilihan raya pertama gabenor Kumamoto, Shiotani mengalahkan Kiyoshi Asoda dan Keisuke Kuboyama. Asoda merupakan bekas ahli Dewan Tinggi yang disokong oleh DPJ, Parti Sosial Demokratik (SDP) dan Parti Liberal. Manakala Kuboyama disokong oleh JCP.²⁴ Penglibatan aktif dalam kebajikan dan organisasi wanita membolehkan Shiotani memperolehi kemenangan walaupun ia terpaksa berhadapan dengan calon lelaki yang menyandarkan sokongan dari kumpulan parti politik yang besar.

Pada penggal kedua apabila dilantik sebagai gabenor, Shiotani mengalahkan Michio Goto dengan margin yang besar. Pilihan raya kali ini juga disokong oleh LDP, Komeito Baharu dan lebih 100 organisasi perniagaan dan buruh dalam prefektur Kumamoto.²⁵ Shiotani walau bagaimanapun tidak bertanding untuk penggal ketiga. Ia digantikan oleh profesor Sains Politik, Universiti Tokyo, Ikuo Kabashima.

Domoto yang merupakan gabenor ketiga dari kalangan wanita, terpilih untuk prefektur Chiba. Domoto walau bagaimanapun dilihat berbeza dari gabenor-gabenor wanita sebelumnya dari segi sokongan yang diperolehi. Ia tidak memperolehi sokongan dari parti politik sebaliknya dari pertubuhan bukan kerajaan, persatuan penduduk (*shimin dantai*), pertubuhan wanita dan kumpulan pengundi atas pagar.²⁶

Domoto merupakan bekas pengarah rancangan televisyen TBS yang banyak membuat liputan berkaitan feminism dan isu-isu alam sekitar. Domoto juga merupakan seorang yang aktif menyokong "women power" satu gerakan politik di seluruh negara yang memperjuangkan hak-hak wanita Jepun. Domoto merupakan bekas ahli Dewan Tinggi



selama 12 tahun bermula pada tahun 1989 dari SDP dan kemudiannya melompat ke Parti Sakigake. Semasa dalam Parti Sakigake beliau banyak memperjuangkan isu wanita, hak asasi manusia dan isu-isu alam sekitar. Oleh kerana aktif dalam aktiviti wanita dan kemasyarakatan, beliau sangat terkenal di kalangan pengundi di Chiba. Popularitinya bertambah apabila seringkali keluar di kaca televisyen. Golongan feminis memberi penilaian yang tinggi kepada aktiviti dan perjuangan Domoto terhadap wanita. Apabila beliau membuat keputusan untuk bertanding jawatan gabenor di Chiba, penyokong-penyokongnya terutama dari kalangan wanita menyambut baik hasrat tersebut.

Dalam pilihan raya pada tahun 2001, Domoto telah menewaskan Ryoza Iwase yang disokong oleh LDP, Konservatif Baru dan Liga Liberal. Lebih penting lagi Ryoza disokong oleh perdana menteri Jepun yang sangat popular pada masa tersebut, Junichiro Koizumi. Calon kedua adalah Masanori Kadota yang merupakan ahli Dewan Perwakilan Bandar Funabashi. Calon ketiga, Yasuhiko Wakai merupakan perancang bandar yang disokong oleh DPJ, SDP dan Japanese Trade Union Confederation (Rengo). Kekuatan Wakai tidak boleh dipertikaikan kerana Rengo mempunyai 170,000 ahli di prefektur Chiba.²⁷ Calon keempat Dr. Izumi Kono disokong oleh JCP.

Kemenangan Domoto adalah sangat mengejutkan memandangkan Chiba merupakan kubu kuat bagi penyokong LDP. Kekuatan LDP dapat dilihat di mana ia menguasai 66 dari 98 kerusi di Dewan Perhimpunan prefektur. Tambahan lagi Domoto bukan calon yang disokong oleh parti tersebut, sebaliknya Ryoza Iwase. Walaupun ramai wanita menyokong Domoto, tetapi sebenarnya kemunculan ramai pengundi atas pagar di Chiba menjadi penentu kepada kejayaan Domoto. Domoto hanya mengharapkan sokongan kumpulan penyokong ini. Contohnya kecenderungan pengundi menjadi pengundi atas pagar semakin bertambah di Jepun sejak kebelakangan ini. Ini berlaku dalam pilihan raya di prefektur Nagano dan Tochigi di mana gabenor yang terpilih adalah calon bebas, tanpa sokongan dari mana-mana parti.²⁸ Kemenangan Domoto dianggap oleh Masako Aiuchi sebagai kemenangan pertama bagi wanita yang bertanding dan menang atas kerusi bebas. Tidak seperti gabenor wanita yang lain yang menang pilihan raya dengan sokongan parti, tetapi tidak bagi Domoto. Kemenangan ini sesungguhnya disebabkan oleh penglibatan aktif Domoto dalam organisasi dan kumpulan rakyat yang menjadi pengundi atas pagar yang semakin bertambah di Jepun.²⁹ Kemenangan ini juga merupakan balasan di atas perjuangan yang dilakukan Domoto selama ini.

Domoto menang dalam pilihan raya ini walaupun tidak mempunyai wang, tiada organisasi kempen pilihan raya yang khusus. Kempen pilihan raya hanya bergantung kepada pekerja-pekerja sukarela. Domoto disokong oleh kumpulan yang berkaitan dengan pengguna, wanita, alam sekitar dan pengundi atas pagar.

Dalam satu temuramah, Domoto mengatakan kemenangannya adalah disebabkan oleh penduduk akar umbi yang mahukan revolusi di seluruh negara. Domoto sendiri rapat dengan penduduk dan bersedia untuk menerima dan mendengar masalah penduduk. Kemenangan Domoto signifikan dan menunjukkan berlaku perubahan radikal yang mahukan seorang pemimpin yang rapat dan berjiwa rakyat berimej *shiminha*.

Pilihan raya gabenor Chiba penggal kedua bagi Domoto dijalankan pada Mac 2005. Pilihan raya kali ini juga merupakan pilihan raya sukar bagi Domoto. Penentangnya, Kensaku Morita merupakan seorang calon berprofil tinggi di peringkat kebangsaan dan



Yasutaro Yamada yang disokong oleh JCP. Morita merupakan seorang bekas ahli Dewan Rendah, dewan terpenting dalam parlimen Jepun. Beliau juga mendapat sokongan dari Gabenor Tokyo, Shintaro Ishihara dan gabenor-gabenor dari Prefektur Kanagawa dan Saitama. Dengan sokongan padu dari gabenor-gabenor sekitar Chiba tersebut kebarangkalian Morita untuk menang adalah besar. Tambahan lagi mereka telah bersetuju jika kemenangan berpihak kepada Morita, mereka akan menjayakan rancangan untuk mengurangkan bayaran tol di Trans Tokyo Bay Highway kepada 800 yen. Rancangan ini mendapat sambutan baik dari rakyat yang pada masa itu membayar harga yang lebih tinggi dan ia merupakan sesuatu yang popular di kalangan pengundi.

Morita juga merupakan seorang yang bijak dalam mempengaruhi pengundi dengan menekankan kepada kepentingan keselamatan awam dan keperluan generasi muda untuk menjadi pemimpin. Domoto yang berumur 72 tahun dan merupakan gabenor tertua di Jepun dilihat tidak sesuai untuk memimpin prefektur ke arah mencergaskan pertumbuhan ekonomi dan sosial Chiba. Manakala Morita yang berumur 55 tahun, dilihat lebih sesuai. Kekuatan Morita juga ditambah lagi dengan ucapan-ucapan beliau yang kemudiannya disebarluaskan oleh jaringan kumpulan penyokong akar umbi yang dimiliki oleh parti pemerintah LDP.

Pilihan raya gabenor kali ini juga menyaksikan Domoto mendapat bantuan lebih dari 200 kumpulan sukarela dan ahli politik yang terkenal seperti Naoto Kan, bekas presiden DPJ, parti politik kedua terbesar di Jepun. Dalam pilihan raya ini Domoto memenangi pilihan raya tersebut dengan jumlah perbezaan undi yang sangat kecil. Domoto memperolehi 960,125 (46.23%), manakala Morita memperolehi 954,039 (45.94%). Calon ketiga yang memperolehi undi tertinggi adalah Yasutaro Yamada dari Parti Komunis Jepun dengan hanya 162,684 (7.83%). Domoto mengalahkan Morita dengan 6,086 (0.29%) undi.³⁰

Di Hokkaido pada tahun 2003, Harumi Takahashi calon bebas telah dipilih sebagai gabenor wanita pertama di pulau yang bersempadan dengan Rusia tersebut. Kemenangan tersebut menjadikan beliau sebagai wanita keempat yang dipilih menjadi gabenor di Jepun. Walaupun Takahashi bertanding atas tiket bebas tetapi seperti Shiotani dan Ohta, beliau disokong oleh tiga parti dalam kerajaan campuran Jepun iaitu LDP, Parti Konservatif Baharu dan Komeito Baharu. Seramai 9 orang bertanding merebut jawatan tersebut, di mana dua daripadanya adalah wanita iaitu Takahashi dan Takako Itoh. Beliau juga turut bertanding dan menewaskan Yoshino Hachiro yang disokong oleh DPJ, SDP dan Parti Liberal. Seperti Ohta, Takahashi merupakan bekas birokrat di METI. Berbeza dari gabenor wanita sebelum ini, walaupun beliau merupakan seorang wanita, namun pengundi wanita di Hokkaido tidak menyokongnya.

Dalam kempen pilihan raya gabenor tersebut Takahashi telah menggunakan isu wanita sebagai strategi untuk mendapatkan undi dari kalangan golongan ini. Takahashi membezakan dirinya dengan calon-calon lain dengan mengatakan ia akan berusaha untuk memperkenalkan undang-undang untuk menyokong penjagaan kanak-kanak dan memberi bantuan kepada usahawan-usahawan wanita.³¹

Walau bagaimanapun di Hokkaido isu wanita tidak mendapat sambutan hangat dari kalangan penduduk. Isu wanita yang diperjuangkan oleh Takahashi tidak dapat menarik perhatian wanita untuk mengundinya. Sebaliknya didapati pengundi wanita memilih calon lelaki. Oleh itu dapat dikatakan bahawa isu gender tidak memberi kesan yang



kuat kepada pengundi di Hokkaido berbanding prefektur-prefektur yang lain. Persepsi berbeza pengundi di Hokkaido kerana Takahashi gagal memobilasi wanita. Ini kerana kerjayanya sebagai birokrat elit dan hubungan baiknya dengan LDP menyebabkan ramai golongan feminis di Hokkaido merasakan ia sebagai "a man with a skirt on." Namun kemenangan Takahashi banyak disumbangkan oleh penyokong Komeito Baharu yang kebanyakannya merupakan penyokong pertubuhan agama Buddha, Soka Gakkai yang juga merupakan sekutu rapat LDP.

Gubernor kelima dari kalangan wanita Yukiko Kada dipilih menjadi gubernor di Shiga pada Julai 2006 ketika berumur 56 tahun. Seperti calon yang lain Kada tidak bergantung kepada undi wanita semata-mata, tetapi kreadibiliti dan kapabiliti menjadi pertaruhan beliau. Kada merupakan profesor di Universiti Kyoto Seika di mana bidang kepakarannya adalah sosiologi alam sekitar. Kada mengalah calon gubernor lain seperti Kunimatsu yang disokong oleh LDP, Komeito Baharu, dan DPJ. Manakala Tsuji disokong oleh JCP. Walaupun Tsuji berkempen tentang kebajikan dan alam sekitar tetapi tidak mendapat sambutan. Kada mendapat sokongan dari golongan wanita dan kumpulan pengundi atas pagar. Kempen pilihan raya bertemakan alam sekitar ternyata membawa hasil kepada Kada. Kemenangan ini telah mengejutkan media yang meramalkan Kunimatsu akan menang memandangkan beliau mendapat sokongan dari parti-parti yang berpengaruh. Semasa ucapan sejurus kemenangan dicapai, beliau mengatakan bahawa rakyat memilihnya kerana mereka yakin dengan cara hidup yang tidak bergantung kepada syarikat-syarikat besar atau parti politik yang besar.

Sesungguhnya kemenangan dan pemilihan wanita sebagai gubernor bukan sebagai kerana faktor gender, tetapi faktor keupayaan wanita untuk memimpin dan membawa pembaharuan tidak dapat nafikan. Calon-calon wanita yang bertanding jawatan gubernor sesungguhnya memberi alternatif daripada "*politics as usual*" kepada "*politics as unusual*" yang bukan menjadi tradisi kepada Jepun.

Perjuangan Gubernor Wanita

Sesungguhnya, gubernor-gubernor wanita telah menyuntik dinamisme baru kepada pejabat gubernor dan sudah pasti memberi kesan kepada politik dalam negara. Pemilihan mereka sebagai gubernor juga memberi kesan signifikan kepada politik kerajaan tempatan. Mereka boleh menyuarakan kepentingan wanita, mempengaruhi perbincangan politik dan pembuatan keputusan yang sebelum ini dikuasai oleh lelaki.³² Pemilihan wanita sebagai gubernor selepas beberapa dekad diketepikan dari arus politik telah menunjukkan perubahan signifikan dalam politik yang didominasi oleh lelaki.

Perjuangan gubernor-gubernor wanita dapat dibahagikan kepada perjuangan berbentuk bersama dan perjuangan individu. Perjuangan bersama lebih kepada memperjuangkan isu-isu yang mempunyai kepentingan bersama. Manakala perjuangan individu adalah untuk kawasan prefektur di mana mereka wakili. Bagi perjuangan berbentuk kepentingan bersama, isu-isu yang diperjuangkan adalah berkaitan isu umum seperti kebajikan, wanita dan ekonomi. Manakala berkaitan isu prefektur adalah lebih kepada isu spesifik seperti bagaimana untuk meningkatkan kemajuan kawasan mereka dan alam sekitar.



Perjuangan Bersama

Sebelum Takahashi memenangi kerusi di Hokkaido pada tahun 2003, tiga orang gabenor wanita iaitu Ohta, Shiotani dan Domoto telah membentuk satu organisasi politik yang mewakili wanita. Pada November 2002 mereka telah menyerahkan pakej polisi kepada perdana menteri, Junichiro Koizumi di mana fokusnya adalah ke atas lima perkara iaitu keselamatan makanan, penjagaan kesihatan, peningkatan persekitaran penjagaan kanak-kanak, mengurangkan keganasan terhadap kanak-kanak dan isu-isu kesihatan wanita. Mereka juga menekankan kepada keperluan wanita untuk memainkan peranan penting dalam masyarakat. Ini merupakan kali pertama kumpulan gabenor wanita menghantar petisen kepada kerajaan pusat yang menuntut supaya kebajikan wanita dan kanak-kanak tidak diabaikan.³³

Pada tahun 2003, apabila Takahashi dipilih menjadi gabenor yang menjadikan bilangan gabenor wanita kepada empat orang, sekali lagi mereka telah bersatu untuk menjayakan matlamat meningkatkan status wanita Jepun melalui cadangan supaya satu pendekatan yang lebih efektif dalam akta yang dipanggil sebagai "Violence Against Women Act" diambil. Mereka bersama-sama telah menghantar kertas cadangan tersebut yang menunjukkan gabenor wanita bersatu dalam mempertahankan dan melindungi hak-hak wanita. Di samping itu mereka juga menunjukkan bahawa wanita mewakili wanita untuk memperjuangkan hak-hak wanita.

Kumpulan gabenor-gabenor wanita juga menyuarakan tentang kemerosotan ekonomi yang berpanjangan kerana kurangnya pembuatan keputusan di kalangan golongan rakyat biasa. Mereka berharap pada suatu hari nanti, separuh dari gabenor adalah dari kalangan wanita. Untuk mempromosikan pandangan ini mereka menganjurkan forum dan seminar di prefektur-prefektur mereka untuk memperluaskan kefahaman objektif ini.

Kesedaran ini muncul terutamanya di kalangan wanita yang mendapati bahawa mereka sebenarnya memiliki suara politik terutamanya melalui wanita yang dilantik di pelbagai peringkat kerajaan. Kemunculan gabenor wanita merupakan peneraju kepada gaya pergerakan yang menawarkan jalan keluar kepada kebuntuan masalah politik Jepun sekarang.

Sesuatu yang nyata bagi kalangan gabenor wanita ialah walaupun mereka mempunyai latar belakang penyokong dari parti yang berbeza tetapi atas kapasiti sebagai wanita, mereka sentiasa menyokong pencalonan wanita untuk bertanding dalam pilihan raya gabenor. Contohnya dalam pilihan raya gabenor di Kumamoto, gabenor Osaka dan Chiba iaitu Ohta dan Domoto turut membantu berkempen kepada Shiotani.³⁴ Pada tahun 2005, Shiotani, Ohta dan Takahashi menyokong pemilihan semula Domoto untuk penggal kedua sebagai gabenor di Chiba. Sokongan mereka kepada Domoto adalah kerana mereka memerlukan bilangan wanita yang ramai untuk memperkuatkan perjuangan kebajikan wanita dan kanak-kanak. Tambahan lagi pada penggal pertama sebagai gabenor Chiba, Domoto telah bersama-sama dengan mereka memperjuangkan kebajikan kanak-kanak dan wanita.³⁵



Pergerakan Individu

Dari segi pergerakan secara individu pula, dapat dilihat isu yang diperjuangkan oleh gabenor-gabenor wanita adalah berkaitan dengan kemajuan prefektur dan kepentingan prefektur mereka. Ini adalah sama seperti gabenor-gabenor di prefektur yang lain. Ohta terpilih sebagai gabenor Osaka ketika kedudukan kewangan prefektur tersebut dalam keadaan yang tenat. Pada tahun 2001 prefektur mengumumkan yang mereka kekurangan 497 bilion yen dalam rancangan bajet untuk tahun fiskal 2002. Pada September 2001, rancangan pentadbiran dan kewangan dibentuk untuk menangani masalah Osaka dengan mengurangkan projek pembangunan berskala besar dan mengurangkan bilangan perkerja sebanyak 20 peratus.

Beliau juga cuba memulihkan ekonomi Osaka dengan melobi untuk menghapuskan pengharaman operasi kasino di Jepun. Dengan pengoperasian kasino akan dapat mencergaskan semula ekonomi dan kawasannya ditempatkan di zon-zon tertentu. Ohta telah bersama-sama gabenor lelaki dari Tokyo, Shizuoka, Wakayama dan Miyazaki bergerak ke arah penghapusan pengharaman kasino tersebut.³⁶ Ohta juga menyeru kerajaan tempatan yang lain mengikut jejaknya dengan membenarkan kasino beroperasi di Jepun. Seiring dengan itu terdapat beberapa buah kerajaan tempatan telah memohon untuk membina kasino di kawasan mereka seperti Osaka, Shizuoka, Ishikawa dan Mie.

Ohta juga menyokong pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Kansai (KIA) yang mula dibuka pada tahun 1994. Ia menjadi lapangan terbang terpenting di wilayah Kinki selain Lapangan Terbang Osaka (juga dikenali sebagai Lapangan Terbang Itami, OA) dan membantu menjana pembangunan perindustrian wilayah Kinki. Dengan pembangunan KIA yang terletak di pulau buatan dapat mengurangkan pencemaran buni akibat aktiviti penerbangan. Penduduk Osaka seringkali merungut buni bising di OA kerana kedudukannya berhampiran dengan penempatan rakyat.

Sejarah dengan usaha mencergaskan semula Osaka, mereka juga telah merancang untuk menjadikan Osaka sebagai pusat bioteknologi dan menggalakkan pelaburan dalam bidang tersebut di Osaka.³⁷ Tidak ketinggalan usaha menjadikan Osaka sebagai kawasan komunikasi antarabangsa dan taman tema. Bandar (ku) dalam Osaka yang telah dikenalpasti sebagai pusat ini adalah Kan-ku dan Rin-ku.

Bagi Shiotani pula, semasa penggal pertama sebagai gabenor, beliau telah memperkenalkan perancangan induk prefektur dalam membina infrastruktur, mempromosikan persamaan gender dan membaiki kedudukan kewangan prefektur. Dalam mengimplementasi persamaan gender dalam pentadbirannya, Shiotani tidak menjadikan gender sebagai alasan untuk mengisi jawatan penting dalam pentadbirannya. Malahan keupayaan dan kelayakan dijadikan sebagai asas perlantikan ke jawatan penting dalam pentadbiran. Bagi Shiotani tiada perbezaan kerja yang membezakan di antara lelaki dan perempuan.

Sejarah usaha untuk mempromosikan persamaan gender, Shiotani telah menaiktarafkan bahagian pentadbiran yang mempromosikan gender dari status bertaraf pejabat (office) kepada bahagian (division). Selain itu Shiotani juga meluluskan penerusan penggunaan nama keluarga sendiri bagi wanita selepas berkahwin.³⁸



Dalam isu pembinaan empangan Sungai Kawabe, Shiotani berpendirian neutral tetapi masih lagi mengkritik kerajaan pusat kerana tidak mendedahkan maklumat yang mencukupi tentang projek tersebut kepada rakyat. Projek tersebut masih lagi dihentikan sementara kerana mendapat tentangan dari golongan nelayan kerana mereka kehilangan hak untuk menangkap ikan.

Bagi Domoto pula, apabila dipilih menjadi gabenor, sebagai seorang yang terkenal dalam memperjuangkan alam sekitar dan pembangunan ekonomi, beliau telah meletakkan kedua-dua perkara tersebut sebagai agenda utamanya. Selepas menjadi gabenor Domoto telah menilai semula projek penebusan tanah yang boleh merosakkan alam sekitar di sepanjang pantai Chiba seluas 101 hektar yang dinamakan Sanbanze Wetland di Teluk Tokyo.³⁹ Penambakan tersebut bertujuan untuk pembangunan industri dan taman perumahan. Setelah penilaian dibuat akhirnya beliau telah membatalkan projek penambakan tanah tersebut. Sanbanze Wetland merupakan kawasan penghijrahan burung, kawasan penjagaan kualiti air di teluk dan penapisan air.

Keputusan yang diambil merupakan hasil daripada penyertaan rakyat dan pertubuhan bukan kerajaan seperti yang dijanjikan dalam kempen pilihan rayanya untuk memasukkan suara rakyat dalam pembuatan keputusan. Dengan kata lain dasar dan perubahan yang dilakukan mengambil kira buah fikiran rakyat di mana Domoto sentiasa menggalakkan rakyat untuk memberi buah fikiran. Pembatalan projek ini merupakan pembatalan projek penambakan kedua selepas di Fujimae, Nagoya yang dibatalkan pada tahun 1999 atas alasan yang sama.

Bagi tujuan memulih dan membangunkan ekonomi Chiba, Domoto telah menilai semula projek-projek infrastruktur yang dianggap kurang penting. Tujuannya adalah untuk mengurangkan perbelanjaan pembinaan projek-projek awam yang dianggap sebagai membazir. Perlancongan dan industri kecil dan sederhana digalakkan pertumbuhannya di Chiba.

Seajar dengan sifatnya yang terkenal sebagai seorang pemimpin rakyat yang mudah didekati Domoto telah menukar cara lama interaksi gabenor dengan penduduk. Ia telah menjadikan pejabatnya sebagai pusat komuniti dan bersedia menerima dan mendengar masalah rakyat. Domoto juga membawa komputer dan mesin fax milik peribadinya untuk kegunaan dalam berinteraksi dengan penduduk. Domoto yang terkenal sebagai seorang pejuang wanita juga telah mengambil peluang melalui kedudukannya sebagai gabenor dengan meningkatkan taraf wanita dalam masyarakat. Meningkatkan tabungan penduduk dan penjagaan orang tua.⁴⁰

Takahashi yang mula menjadi gabenor pada tahun 2003 menghadapi cabaran sebagai gabenor apabila pegawai kerajaan pusat mendedahkan cadangan untuk memindah sebahagian pengkalan tentera laut Amerika Syarikat di kepulauan Okinawa ke Hokkaido.⁴¹ Takahashi menentang cadangan tersebut dan mendesak supaya tidak menjadikan pengkalan Pasukan Pertahanan Diri Jepun (SDF) di Barat Hokkaido sebagai pengkalan tetap unit tentera laut Amerika Syarikat. Takahashi menentang cadangan ini kerana pelbagai faktor terutamanya tidak mahu peristiwa-peristiwa berkaitan salah laku tentera Amerika Syarikat di Okinawa terjadi di Hokkaido. Di samping itu beliau juga bimbang aktiviti ketenteraan Amerika Syarikat di Hokkaido akan mengganggu keselamatan dan ketenteraman penduduk di sana.



Demi kepentingan ekonomi dan perlancongan Hokkaido, Takahashi telah berjaya berunding untuk meneruskan pembinaan landasan Shinkansen yang menghubungkan pulau Honshu, pulau terbesar dan termaju dengan Hokkaido. Dengan pembinaan landasan tersebut akan mengurangkan jangkamasa perjalanan Tokyo-Hakodate kepada 3 jam 40 minit berbanding sebelumnya 5 jam 40 minit.⁴² Dengan menghubungkan Hokkaido dengan Honshu akan membawa lebih ramai pelancong ke Hokkaido dan seterusnya merancakkan perkembangan ekonomi pulau yang terkenal dengan pesta salji (yuki matsuri) pada musim sejuk itu. Di bawah pentadbirannya prefektur akan terus mendesak kerajaan pusat untuk menghubungkan landasan Shinkansen ke Sapporo pula di mana perbelanjaannya akan ditanggung oleh kerajaan pusat dan tempatan.⁴³

Kada pula memperjuangkan pengekalan alam semula jadi dan melindunginya. Ini sejajar dengan kempen pilihan rayanya yang mahu alam sekitar dipelihara dengan baik. Dalam usaha untuk menjimatkan perbelanjaan kerajaan, Kada telah menghentikan projek-projek awam yang membazir. Pembinaan stesen keretapi shinkansen baru di Shiga dihentikan kerana dianggap membazir dan tidak perlu. Seiringan dengan perjuangan sebagai pencinta alam sekitar, Kada juga menjalankan inisiatif untuk membersihkan dan mencantikkan Tasik Biwa, tasik yang terbesar di Jepun yang terletak di daerah Shiga. Dengan pembersihan tasik tersebut dapat menyalurkan kepada keperluan air kepada 14 juta penduduk di Shiga. Untuk menyedarkan rakyat tentang kepentingan alam sekitar, Kada juga telah membina muzium peringatan di Tasik Biwa.

Kesimpulan

Dari perbincangan di atas dapat dikatakan bahawa gender bukanlah faktor utama pemilihan wanita sebagai gabenor, sebaliknya faktor kredibiliti memainkan peranan penting. Mereka bukan sahaja memerlukan undi dari wanita, tetapi dalam sistem pilihan raya gabenor yang mempertandingkan satu kerusi bagi satu prefektur menyebabkan mereka perlu memperluaskan rayuan undi semasa kempen pilihan raya kepada segenap lapisan masyarakat. Oleh itu dengan bantuan dari parti-parti politik yang menyokong seseorang calon membolehkan mereka memenangi pilihan raya. Pencalonan wanita ini diperkuuhkan dengan sokongan dari kumpulan wanita iaitu kumpulan penyokong setia yang sedia menyokong wanita tanpa mengira ideologi politik. Oleh itu ia dianggap sebagai kelebihan kepada mereka berbanding calon-calon lelaki.

Dari segi perjuangan pula oleh kerana sokongan yang diterima dari pelbagai peringkat masyarakat maka keseluruhan aspek pentadbiran dan kemajuan prefektur menjadi tumpuan mereka. Jelas, seperti gabenor-gabenor lelaki mereka memperjuangkan isu-isu kemajuan kawasan, alam sekitar dan kemasyarakatan. Namun perbezaan nyata berbanding gabenor lelaki ialah dari segi isu wanita. Mereka telah bersatu memartabatkan isu wanita terutamanya persamaan gender dan kebajikan wanita. Hasil dari kerjasama antara mereka membolehkan petisyen isu wanita dibawa kepada perdana menteri. Inilah dinamisme gabenor wanita apabila dilantik menjadi gabenor.

Dari segi yang lain pula kecenderungan sekarang menunjukkan telah berlaku perubahan dalam politik tempatan. Peningkatan bilangan wanita terpilih sebagai gabenor atau datuk bandar menunjukkan trend perubahan sosial iaitu memberi persamaan kepada wanita. Walaupun semakin ramai dalam jumlah tersebut namun masih lagi tidak dapat dibanggakan kerana lebih 90% kerusi di kawasan tersebut adalah lelaki. Masa



yang panjang akan diambil sebelum kerajaan tempatan Jepun dapat menyaingi tahap pengambilan bahagian wanita di negara-negara industri yang lain.

Rujukan

- Chikako Usui, Suzanna Rose, Reiko Kageyama, 2003, 'Women, Institutions, and Leadership in Japan,' *Asian Perspective*, Vol. 27, No. 3.
- Endah H Wulanduri, 2008, 'Representasi Perempuan dalam Institusi Politik Jepang,' *Manabu: Journal of Japanese*, Vol. 2, No. 2.
- Haruko K. Watanabe, Yoko Nuita, 1978 'Japanese Women Pioneers' *Frontiers: A Journal of Women Studies*, Vol. 3, No. 3.
- Jones H. J., 1976, 'Japanese Women and Party Politics' *Pacific Affairs*, Vol. 49, No. 2.
- Kazuki Iwanaga, 2008, 'Women's Political Representation in Japan' dalam Kazuki Iwanga (ed), *Women's Political Participation and Representation in Asia: Obstacles and Challenges*, Nordic Institute of Asian Studies, Copenhagen.
- Masako Aiuchi, 2001, 'How Women Won or Lost in the Japanese Lower House Election: Case Studies of Women Candidates Who Ran as Challengers,' *PS: Political Science and Politics*, Vol. 34, No. 2.
- _____, 2004, 'The Governor's Race in Hokkaido: The Election of a Female Governor and Its Impact,' *PS: Political Science & Politics*. Vol. 37, No. 1.
- Mikiko Eto, 2008, 'Community-Based Movement of Japanese Women: How Mothers Infiltrate the Political Sphere from Below' dalam Wil Burghoorn, Kazuki Iwanaga (eds), *Gender Politics in Asia: Women Manoeuvring Within Dominant Gender Orders*, Copenhagen: Nordic Institute of Asian Studies.
- Mikiko Ashikari, 2003, Urban Middle-Class Japanese Women and Their White Faces: Gender, Ideology, and Representation, *Ethos*, Vol. 31, No. 1.
- Ranjana Sheel, 2003, 'Women in Politics in Japan,' *Economic and Political Weekly*, Vol. 38, No. 39.
- Taki Fujita, 1968, Women and Politics in Japan, *Annals of the American Academy of Political and Social Science*, Vol. 375.
- Fusae Ichikawa, Yoko Nuita, 1978, Fusae Ichikawa: Japanese Women Suffragist, *Frontiers: A Journal of Women Studies*, Vol. 3, No. 3.
- Tokuko Ogai, 2004, Advance of Japanese Women in Politics: The General Local Election of 2003, *PS: Political Science and Politics*, Vol. 37, No. 1.
- Tomoaki Iwai, 1993, 'The Madonna Boom: Women in the Japanese Diet' *Journal of Japanese Studies*, Vol. 19, No. 1.
- Yasuo Takao, 2007, 'Women in Japanese Local Politics: From Voters to Activists to Politician,' *The Pacific Review*, Vol. 20, No. 2.
- Japan Report 2001: State of Women in Urban Local Government Japan in Parliaments: *Situation as of 31 August 2008* di laman sesawang <http://www.ipu.org/wmn-e/classif.htm>.



Josei no Seisaku. Hoshin Kettei Sanga Jokyo Shirabe di laman sesawang <http://www.gender.go.jp/statistics-index.html>.

Nota

- ¹ Terdapat 47 prefektur di Jepun yang dikenali sebagai *todofukken*. Selain prefektur, kerajaan tempatan lain yang merupakan subordinat kepada prefektur adalah bandar besar (*shi* – seperti Yokohama-shi dan Nagoya-shi), pekan dan kampung (*cho* dan *son*).
- ² Ketua bagi prefektur dipanggil gabenor. Manakala bagi bandar, pekan dan kampung dipanggil sebagai datuk bandar.
- ³ Sebagai contoh lihat Tomoaki Iwai, 1993, 'The Madonna Boom: Women in the Japanese Diet,' *Journal of Japanese Studies*, Vol. 19, No. 1., Ranjana Sheel, 2003, 'Women in Politics in Japan,' *Economic and Political Weekly*, Vol. 38, No. 39., Tokuko Ogai, 2004, Advance of Japanese Women in Politics: The General Local Election of 2003, *PS: Political Science and Politics*, Vol. 37, No. 1, Haruko K. Watanabe, Yoko Nuita, 1978 'Japanese Women Pioneers' *Frontiers: A Journal of Women Studies*, Vol. 3, No. 3, Jones H. J., 1976, 'Japanese Women and Party Politics,' *Pacific Affairs*, Vol. 49, No. 2.
- ⁴ Chikako Usui, Suzanna Rose, Reiko Kageyama, 'Women, Institutions, and Leadership in Japan,' *Asian Perspective*, Vol 27, No. 3, 2003. halaman 85-123.
- ⁵ Endah H Wulanduri, 'Representasi Perempuan dalam Institusi Politik Jepang,' *Manabu: Journal of Japanese Studies*, Vol. 2, No. 2, Mei 2008, halaman 31-58
- ⁶ Yasuo Takao, 'Women in Japanese Local Politics: From Voters to Activists to Politician,' *The Pacific Review*, Vol. 20, No. 2, 2007, halaman 147-172.
- ⁷ Bilangan kerusi Dewan Rendah telah dikurangkan dari 500 buah kepada 480 pada pilihan raya tahun 2000.
- ⁸ Pilihan raya Dewan Tinggi dan rendah diadakan secara berasingan di Jepun. Pilihan raya Dewan Rendah diadakan setiap empat tahun sekali. Walau bagaimanapun dalam tempoh tersebut perdana menteri boleh membubarkan dewan dan mengadakan pilihan raya baru. Bagi Dewan Tinggi pula, pilihan raya diadakan pada Julai setiap tiga tahun sekali. Pada masa ini separuh dari jumlah wakil di dewan tersebut yang telah berkhidmat selama enam tahun akan bertanding semula atau meletak jawatan. Manakala separuh lagi yang masih belum mencapai jangkamasa perkhidmatan enam tahun akan kekal.
- ⁹ Masako Aiuchi, 'The Governor's Race in Hokkaido: The Election of a Female Governor and Its Impact,' *PS: Political Science & Politics*, January 2004.
- ¹⁰ 46 Vie for Governorship, Economy, War Emerge as key Issues, *The Japan Times*, 28 Mac 2003
- ¹¹ Shintaro Ishihara merupakan gabenor Tokyo semenjak tahun 1999. Beliau juga adalah bekas pelakon dan penulis politik. Beliau pernah menjadi ahli Dewan Tinggi dan Dewan Rendah apabila memenangi pilihan raya tersebut pada tahun 1968-1972 dan 1972-1995. Pada tahun 1989, Ishihara menjadi tumpuan barat apabila menulis buku bersama-sama pengurus Sony, Akio Morita bertajuk, "No" to ieru Nippon, (*The Japan That Can Say No*). Buku ini mengajak rakyat Jepun bangkit dari hanya menurut perintah Amerika Syarikat. Ishihara seringkali dikaitkan sebagai seorang ahli politik sayap kanan. Ia telah banyak membangkitkan kontroversi berikutkan beberapa tindak tanduknya yang dianggap bertentangan dengan persekitaran semasa Jepun. Antaranya ialah sokongan kuat beliau kepada nasionalisme Jepun,



- kekerapan melakukan lawatan ke kuil kontroversi, Kuil Yasukuni dan beberapa lagi ucapannya yang membangkitkan isu perkauman, kemarahan China dalam isu Taiwan dan isu sejarah keganasan Jepun yang dianggap sebagai tidak benar.
- ¹² Temubual dengan Dr. Mako Yoshimura, profesor Hosei University, Tokyo, Jepun pada 19 November 2008.
- ¹³ Telah menjadi kecenderungan di Jepun, calon yang bertanding jawatan gabermor tidak menggunakan tiket parti, sebaliknya sebagai calon bebas. Walau bagaimanapun parti-parti politik akan memberi sokongan kepada calon yang dianggap sesuai.
- ¹⁴ Temubual dengan Chizuko Ueno, Profesor Tokyo University, Tokyo, Jepun pada 18 November 2008
- ¹⁵ Kumpulan ini ditubuhkan pada tahun 1999 oleh bekas menteri pendidikan Jepun Yoshiko Akamatsu, pemberita Mitsuko Shimomura dan empat orang lagi pemimpin wanita.
- ¹⁶ Yasuo Takao, halaman 147-172.
- ¹⁷ Masako Aiuchi, halaman 62
- ¹⁸ Ibid.
- ¹⁹ "Election of First Female Governor Boosts Japan Ruling Party," *Washington Post*, 8 Februari 2000.
- ²⁰ "**Osaka's Ohta wins second term Monday,**" *The Japan Times*, 2 Februari, 2004.
- ²¹ "Osaka Governor Hit by Scandal, Lack of Backers, Won Seek Third Term," *The Japan Times*, 4 Disember 2007.
- ²² *Fu* merupakan singkatan nama kepada Fusae dan *Chan* pula gelaran manja diberi kepada sesiapa yang dianggap sebagai rapat dengan mereka.
- ²³ "Osaka's Ohta Wins Second Term," *The Japan Times*, 2 Februari 2004.
- ²⁴ *The Asahi Shimbun*, 17 April 2000
- ²⁵ "Shiotani Re-elected Kumamoto Governor," *The Japan Times*, 5 April 2004.
- ²⁶ Mikiko Eto, 'Community-Based Movement of Japanese Women: How Mothers Infiltrate the Political Sphere from Below' dalam Wil Burghoorn, Kazuki Iwanaga (eds), *Gender Politics in Asia: Women Manoeuvring Within Dominant Gender Orders*, Copenhagen: Nordic Institute of Asian Studies, 2008, halaman 43-67.
- ²⁷ "Parties Drag Heels Over Picking Candidates," *The Japan Times*, 11 Februari 2001.
- ²⁸ "Five Newcomers Begin Campaign in Chiba Election," *The Japan Times*, 9 Mac 2001.
- ²⁹ Temubual dengan Chizuko Ueno, Profesor Tokyo University, Tokyo, Jepun pada 18 November 2008
- ³⁰ "Chiba Voters Re-elect Domoto," *The Japan Times Weekly*, 19 Mac 2005.
- ³¹ Masako Aiuchi, halaman 62.
- ³² Kazuki Iwanaga, 'Women's Political Representation in Japan' dalam Kazuki Iwanga (edi), 2008, *Women's Political Participation and Representation in Asia: Obstacles and Challenges*, Copenhagen: Nordic Institute of Asian Studies, , halaman 101.
- = "Women Governors Press Koizumi on Policy," *The Japan Times*, 16 November 2002.
- ³⁴ "Shiotani Re-elected Kumamoto Governor," *The Japan Times*, 5 April 2004.
- ³⁵ "4 of 5 Governors to Back Chiba Incumbent," *The Asahi Shimbun*, 5 March 2005.
- ³⁶ "Five Prefectures Call for End to Casino Ban," *The Japan Times*, 7 Februari 2003
- ³⁷ "Osaka's Ohta Announces She wills Seek Second Term," *The Japan Times*, 9 September 2003.
- ³⁸ Dalam masyarakat Jepun, biasanya selepas berkahwin wanita akan menukar nama keluarganya kepada keluarga suaminya.



³⁹ "Chiba Governor Cancels Plan to Reclaim Tidal Flat," *The Japan Times*, 27 September 2001.

⁴⁰ "The Stars of Asia-Policy Makers," *Business Week*, 2 Julai 2001.

⁴¹ "**Marines not welcome in Hokkaido,**" *The Japan times*, 9 Jun 2004.

⁴² "Construction is started on Hokkaido Bullet Train after Three Decade Wait," *The Japan Times*, 23 Mei 2005.

⁴³ "JR Asked to Foot Bill for Bullet Train Projects," *The Japan Times*, 17 Disember 2004.

